

Soalan No:22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]

TARIKH : 02.11.2016

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan susulan kenyataan umum Perdana Menteri bertarikh 23.7.2016 mengarahkan Menteri-menteri MCA dan parti-parti Cina dalam Barisan Nasional untuk menyakinkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk pengiktirafan Unified Examination Certificate (UEC) yang bercanggah dengan kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Chong Sin Woon, bertarikh 8.5.2016 bahawa UEC akan diiktirafkan dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendididikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan

dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Kementerian Pendidikan Malaysia sedia untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkepentingan berhubung perkara tersebut.